

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO

TARIKH: 27 JANUARI 2020

MUKA SURAT: 21

## Guna heli padam kebakaran sampah

**Sungai Petani:** Helikopter Unit Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) digunakan untuk memadam kebakaran di tapak pelupusan sampah di Semeling di sini, yang berlarutan seminggu.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Kebomgaan dan Penyelamat JBPM Kedah, Penguasa Kanan Bomba I Mohamadul Ehsan Mohd Zain berkata, aset yang berpangkalan di Bertam, Pulau Pinang itu digunakan untuk pengeboman air.

"Bantuan juga diberikan

JBPM Perak dan Pulau Pinang yang menghantar jentera Hidrosub dan lori tangki air.

"Kebakaran masih berlaku membabitkan kawasan ber keluasan 0.36 hektar lagi," katanya, semalam.

Bellau berkata, ketika ini tenaga 25 anggota digunakan untuk operasi itu sejak 20 Januari lalu.

Kira-kira 1.2 hektar daripada lebih empat hektar tapak pelupusan sampah itu terbakar, disyaki akibat perbuatan khianat.

Seorang lelaki 35 tahun ditahan di lokasi berkenaan.